

TERKINI · UTAMA & SENSASI



By Mohd Arshad · 23/08/2022 · 0 · 50

Pandemik Covid-19 memberi kesan besar terhadap ekonomi dunia dan Malaysia tidak terkecuali.

Ikuti Mynewshub: Telegram

Nilai mata wang menyusut dan begitu juga kemerosotan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Antara sektor paling terjejas teruk pelancongan, pengangkutan peruncitan, perhotelan dan hiburan.

Kemerosotan ekonomi dilapor mencatat prestasi terburuk sejak krisis kewangan Asia pada 1998.

Untuk rekod nisbah cukai langsung kepada KDNK Malaysia berada pada aliran menurun sejak 2019.

laitu pada 9.5 peratus atau 1.7 mata lebih rendah daripada purata Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Untuk bangkit daripada kesan bencana ini sudah tentu Malaysia memerlukan kekuatan kewangan.

Mahu tidak mahu aspek percukaian adalah elemen terpenting untuk menjayakan misi itu.

Menarik kembali pelaburan langsung asing dan menjana semula pekerjaan berkait cukai.

Dengan hasil cukai pelbagai inisiatif dapat dilaksanakan kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

Sebab itu kita harus berterima kasih kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Bertungkus-lumus mahu mencapai sasaran dalam usaha memperbaiki kedudukan ekonomi Malaysia.

Unjuran hasil daripada cukai langsung adalah kira-kira RM139.3 bilion menjelang 2022.

Anggaran hasil itu diunjurkan daripada kutipan kasar cukai langsung secara keseluruhan.

Termasuk cukai korporat, petroleum, individu dan lain-lain, sebelum tuntutan bayaran balik

Meskipun ia realistik, namun pastinya mendambakan kesungguhan LHDNM.

Kesimpulannya, percukaian adalah amat penting bagi membantu pembangunan negara.

Lebih-lebih lagi dalam membangunkan semula negara pasca pandemik Covid-19.

Justeru, setiap warganegara yang dikategorikan sebagai pembayar cukai harus memainkan peranan.

Meyakini keperluan membayar cukai sebagai anasir patriotik diri untuk mempertahankan tanah air.

8/26/22, 12:47 PM

Percukaian Elemen Penting Pulihkan Negara « MYNEWSHUB

-Mynewshub